

NO. SOALAN: 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

RUJUKAN : 7251

SOALAN:

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian agar tidak menyekat kebebasan berpersatuan namun pada masa yang sama mampu mengawal selia persatuan agar tidak mengganggu perundangan dan pentadbiran negara.

JAWAPAN :

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] bergiat aktif selaras dengan hak kebebasan berpersatuan di bawah Perkara 10(c) Perlembagaan Persekutuan. Usaha-usaha ini bukan sahaja melibatkan peranan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia tetapi turut melibatkan fungsi Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain. Antara program-program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia adalah seperti *Social Enterprise*, *Roadshow* dan *Outreach*, *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan Program Kebajikan Sosial. Melalui program-program tersebut, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia memberikan penjelasan dan penerangan tentang kepentingan setiap pertubuhan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat setempat. Hal ini untuk memastikan agar wujudnya jalinan kerjasama di antara pertubuhan dan masyarakat bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Pendekatan ini juga amat relevan kerana boleh digunakan sebagai *platform* untuk memastikan keterlibatan pertubuhan dan masyarakat dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

Di samping itu, bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap undang-undang yang berkuatkuasa, pihak Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran

Pertubuhan Malaysia turut sentiasa memberi taklimat dan kursus kepada pertubuhan-pertubuhan yang baru diluluskan mengenai pengurusan pertubuhan yang berkualiti termasuklah program berkaitan kesedaran terhadap aktiviti penggubahan wang haram di bawah *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financial Act 2001*.

SOALAN (6)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERajaan menyatakan :-**

- (a) berapa peratuskah jumlah rumah rakyat yang telah dibina seperti yang dijanjikan Kerajaan.; dan
- (b) berapa kategori harga yang ditawarkan kepada rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan sebanyak 171 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) (102,630 unit) di seluruh Negara dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), KPKT telah mensasarkan sebanyak 39,000 unit rumah untuk disiapkan dan daripada jumlah tersebut KPKT sedang melaksanakan sebanyak 36,884 unit. Daripada jumlah tersebut, KPKT telah mencapai 94.57% daripada jumlah unit rumah yang disasarkan.

Harga jualan seunit rumah PPR adalah sebanyak RM36,000 untuk Semenanjung Malaysia dan RM42,000 untuk Sabah Sarawak.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

SOALAN (7)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan di Pulau Langkawi, masalah perumahan merupakan satu isu yang berlarutan. Ini disebabkan kurangnya pemaju perumahan berminat untuk melaksanakan projek di pulau disebabkan beberapa faktor. Adakah Kementerian bercadang untuk membantu bagi menambah bilangan unit rumah sejajar dengan pertumbuhan penduduk di Pulau Langkawi ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius isu pemilikan dan bilangan pembinaan rumah di setiap negeri. Walau bagaimanapun, usaha ini bergantung kepada faktor lokasi tanah dan permintaan bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan projek pembinaan. Kerajaan negeri pula boleh memainkan peranan menyediakan lokasi untuk membolehkan kerajaan persekutuan untuk membina Program Perumahan Rakyat (PPR).

Sehingga kini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan sebanyak 6 projek (3,744 unit) di negeri Kedah. Di daerah Langkawi, KPKT telah menyiapkan 1 projek (422 unit). KPKT sedia menimbang cadangan pelaksanaan PPR di Langkawi bergantung kepada permohonan daripada kerajaan negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
November 2014